

Abdullah terus semua dasar Dr M

Daripada Ridzuan Yop

BH 8/7/03

BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, peralihan kuasa Oktober ini bukan perubahan rejim yang memerlukan beliau melaksanakan pelbagai dasar baru secara drastik.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau akan meneruskan semua dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terbukti berjaya memajukan negara.

Abdullah berkata, beliau juga akan meneruskan semua dasar Perdana Menteri terdahulu yang membawa kebaikan kepada negara seperti Dasar Perpaduan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020.

"Banyak pihak bertanya apa yang saya akan lakukan selepas mengambil alih teraju negara Oktober ini. Saya kata nantilah dulu apabila sampai masanya saya ambil alih jawatan itu,

"Bagaimanapun, yang pasti bagi saya semua dasar Perdana Menteri terdahulu yang dirancang begitu baik akan diteruskan," katanya pada majlis ramah mesra bersama rakyat Malaysia, di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia, di sini semalam.

Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei yang baru dilantik, Tan Sri Mohd Jamil Johari serta kira-kira 500 rakyat Malaysia.

Sempena majlis itu, Abdullah mengadakan sesi dialog dengan menjawab pelbagai soalan yang ditimbulkan rakyat Malaysia berhubung isu semasa.

Abdullah berkata, tidak seperti di negara tertentu dengan pemimpin terdahulu ghairah melaksanakan pelbagai perubahan dasar terpaksa ditukar dengan pemimpin lain dalam tempoh yang singkat.

"Apabila pemimpin dan kerajaan bertukar dalam tempoh singkat, pemimpin baru cuba menukar dasar sedia ada kerana dikatakan tidak baik dengan mewujudkan dasar baru bagi menunjukkan kebolehan mereka," katanya.

Beliau berkata, ia menyebabkan tidak ada kesinambungan dan susulan terhadap dasar yang dirancang sehingga ada negara yang tidak berupaya membangun seperti dilakukan Malaysia.

Berhubung dasar luar, Abdullah berkata, kerajaan Malaysia mempunyai pendirian tegas terhadap pelbagai isu antarabangsa termasuk isu Iraq, Palestin dan keganasan.

Beliau berkata, Malaysia membantah serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq kerana jelas melanggar ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta pencerobohan Israel terhadap Palestin yang berlarutan begitu lama tanpa penyelesaian.

Mengenai rakyat Malaysia di Brunei, Abdullah meminta mereka terus memberikan sumbangan di negara tempat mereka bertugas dan mencari rezeki dengan sentiasa menjaga nama baik negara.